



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

MANUAL RUJUKAN
INSTITUSI KEWANGAN ISLAM
KEPADA
MAJLIS PENASIHAT SHARIAH

ISI KANDUNGAN

BAHAGIAN A: PENGENALAN

PENDAHULUAN

BAHAGIAN B: RUJUKAN KEPADA MAJLIS PENASIHAT SHARIAH

PERKARA SYARIAH YANG BOLEH DIRUJUK

BAHAGIAN C: TADBIR URUS DAN PROSEDUR MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT SHARIAH

PRA-MESYUARAT DENGAN SEKRETARIAT MAJLIS PENASIHAT SHARIAH

PEMBENTANGAN KEPADA MAJLIS PENASIHAT SHARIAH

MAKLUMAN KEPUTUSAN MAJLIS PENASIHAT SHARIAH

BAHAGIAN D: LAMPIRAN

ILUSTRASI RUJUKAN KEPADA MAJLIS PENASIHAT SHARIAH

BORANG RUJUKAN KEPADA MAJLIS PENASIHAT SHARIAH

CARTA ALIRAN RUJUKAN KEPADA MAJLIS PENASIHAT SHARIAH

GLOSARI

BAHAGIAN A: PENGENALAN

PENDAHULUAN

1. Manual ini diterbitkan sebagai panduan kepada institusi kewangan Islam (IKI) dan mana-mana pihak yang diperuntukkan di bawah undang-undang tertentu (selepas ini dikenali sebagai “pihak yang merujuk”) dalam membuat rujukan berhubung persoalan Syariah berkenaan perniagaan kewangan Islam kepada Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS).
2. Manual ini diterbitkan di bawah seksyen 51 (2) Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Akta) dan telah disahkan oleh MPS.
3. Fungsi dan rujukan kepada MPS yang terkandung dalam manual ini adalah tertakluk di bawah seksyen 52, 55 (1) dan 57 Akta. Cabutan peruntukan-peruntukan ini boleh dirujuk dalam Glosari.

BAHAGIAN B: RUJUKAN KEPADA MAJLIS PENASIHAT SHARIAH

PERKARA SYARIAH YANG BOLEH DIRUJUK

4. Pihak yang merujuk boleh mengemukakan rujukan kepada MPS berhubung perkara yang menghendaki penentuan hukum Syarak merangkumi perkara berikut, namun tidak terhad kepada:
 - i. isu Syariah dalam penstrukturan produk atau instrumen perniagaan kewangan Islam;
 - ii. isu Syariah dalam variasi yang signifikan kepada produk atau instrumen perniagaan kewangan Islam sedia ada;
 - iii. isu Syariah dalam pelaksanaan dan pengoperasian sesuatu produk atau instrumen perniagaan kewangan Islam;
 - iv. perbezaan pandangan antara Jawatankuasa Syariah IKI yang boleh menimbulkan kekeliruan masyarakat; dan
 - v. apa-apa perkara yang menghendaki penentuan hukum Syarak oleh MPS yang berkaitan dengan undang-undang dan pengawalseliaan.

5. Bagi tujuan mengemukakan rujukan kepada MPS seperti dalam perenggan 3, perkara Syariah yang hendak dirujuk hendaklah ditentukan oleh Jawatankuasa Syariah IKI berkenaan.
6. Ilustrasi rujukan kepada MPS boleh didapati dalam Lampiran A.

BAHAGIAN C: TADBIR URUS DAN PROSEDUR MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT SHARIAH

PRA-MESYUARAT DENGAN SEKRETARIAT MAJLIS PENASIHAT SHARIAH

7. Pihak yang merujuk hendaklah mengadakan sesi pra-mesyuarat dengan Sekretariat MPS (Sekretariat). Sesi pra-mesyuarat tersebut bertujuan untuk:
 - i. memastikan sama ada terdapat isu Syariah ke atas perkara yang dirujuk;
 - ii. mengenal pasti keputusan MPS sedia ada yang berkaitan, namun tiada duluan (*precedent*) dalam aplikasi dan konteks bagi perkara yang dirujuk; dan/atau
 - iii. memastikan bahawa tiada keputusan MPS berkenaan perkara yang dirujuk.
8. Pihak yang merujuk dikehendaki untuk memastikan bahawa maklumat asas secara menyeluruh tentang perkara yang dirujuk dibincangkan dalam pra-mesyuarat bersama Sekretariat. Pra-mesyuarat di antara pihak yang merujuk dan Sekretariat merupakan langkah dalam penyediaan kertas cadangan bagi tujuan pembentangan kepada MPS.
9. Merujuk kepada perenggan 5(ii), Sekretariat akan menjalankan semakan ke atas keputusan MPS sedia ada sekiranya terdapat keputusan yang berkaitan dengan perkara yang dirujuk. Keputusan-keputusan MPS boleh diperolehi daripada:
 - i. Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam (Edisi Kedua) dan terbitan susulan kepadanya; dan
 - ii. Piawaian Syariah yang diterbitkan oleh BNM.

10. Sekiranya Sekretariat mendapati ada keputusan MPS yang khusus dan Sekretariat berpendapat ia terpakai ke atas perkara yang dirujuk, Sekretariat akan memaklumkan perkara yang dirujuk tersebut kepada MPS untuk maklum balas. Sekretariat selanjutnya akan menyampaikan maklum balas tersebut kepada pihak yang merujuk.
11. Sekiranya Sekretariat mendapati bahawa perkara yang dirujuk mengandungi isu Syariah dan mempunyai merit untuk dibentangkan kepada MPS, pihak yang merujuk hendaklah melengkapkan borang rujukan kepada MPS (seperti di Lampiran B) dan menyediakan kertas cadangan yang lengkap dan muktamad bagi tujuan pembentangan kepada MPS (butiran seperti di perenggan 18-21).
12. Sekiranya Sekretariat mendapati bahawa kertas cadangan tidak lengkap atau perkara yang dirujuk tidak berhubung dengan isu Syariah, Sekretariat boleh menolak permohonan pihak yang merujuk untuk merujuk kepada MPS.
13. Sekiranya permohonan untuk merujuk kepada MPS ditolak oleh Sekretariat, pihak yang merujuk boleh mengemukakan rayuan kepada Pengerusi MPS untuk mendapatkan persetujuan bagi pembentangan kepada MPS berdasarkan faktor-faktor berikut:
 - (i) terdapat maklumat baharu yang wajar dipertimbangkan oleh Sekretariat dan MPS;
 - (ii) terdapat justifikasi yang lebih kukuh bagi membuktikan wujudnya merit untuk pembentangan kepada MPS; dan/atau
 - (iii) apa-apa pertimbangan lain yang dikira wajar oleh Pengerusi MPS.

PEMBENTANGAN KEPADA MAJLIS PENASIHAT SHARIAH

Peranan Sekretariat

14. Sekretariat akan menentukan agenda mesyuarat berhubung isu-isu yang akan dirujuk kepada MPS, tertakluk kepada kelulusan Pengarah Jabatan Perbankan Islam dan Takaful (JPIT). Agenda mesyuarat tersebut hendaklah dimaklumkan kepada Pengerusi MPS.

15. Sekretariat akan menjalankan kajian dan penilaian Syariah ke atas kertas cadangan yang dikemukakan oleh pihak yang merujuk.
16. Sekretariat akan mengaturkan mesyuarat MPS pada tarikh, masa dan tempat seperti yang dipersetujui oleh MPS bagi membincangkan rujukan yang diterima.

Peranan pihak yang merujuk

17. Perkara yang ingin dirujuk hendaklah ditentukan dan disahkan oleh Jawatankuasa Syariah IKI (JKS) berkenaan.
18. Bagi tujuan pembentangan kepada MPS, pihak yang merujuk hendaklah mengemukakan dokumen berikut kepada Sekretariat:
 - (i) Borang Rujukan kepada MPS seperti di Lampiran B yang lengkap diisi; dan
 - (ii) Kertas cadangan yang lengkap dan muktamad.

Dokumen-dokumen tersebut hendaklah dihantar kepada:

Sekretariat
Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia
Jabatan Perbankan Islam dan Takaful
Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel : 60(3) 2698 8044 (samb. 8124) Faksimili : 60(3) 2694 3724
Emel : sac.secretariat@bnm.gov.my

19. Pihak yang merujuk hendaklah menyediakan kertas cadangan yang lengkap dan muktamad dalam bahasa Melayu, dan mengemukakan kertas cadangan kepada Sekretariat selewat-lewatnya **30 hari** sebelum tarikh pembentangan kepada MPS. Kertas cadangan hendaklah merangkumi, namun tidak terhad kepada maklumat berikut:
 - i. Latar belakang perkara yang dirujuk;
 - ii. Struktur atau instrumen yang dicadangkan (jika berkenaan);

- iii. Akad Syariah yang diguna pakai beserta pandangan ulama berhubung prinsip yang dicadangkan dan rujukan Syariah (jika berkenaan);
 - iv. Huraian perkara yang dirujuk, isu-isu Syariah yang timbul, penyesuaian fikah, dan fatwa semasa yang relevan (mana-mana yang berkenaan);
 - v. Pandangan dan syor JKS yang terperinci dan rujukan yang digunakan; dan
 - vi. Sebarang data atau maklumat sokongan yang berkaitan.
20. Pihak yang merujuk hendaklah memastikan bahawa kertas cadangan yang dikemukakan kepada Sekretariat telah disemak dan mendapat kelulusan daripada JKS IKI berkenaan.
21. Pihak yang merujuk hendaklah memaklumkan kepada Sekretariat dengan memberi notis secara bertulis selewat-lewatnya tiga (3) hari bekerja sebelum pembentangan kepada MPS sekiranya ingin menangguhkan pembentangan atau menarik balik cadangan.

Pembentangan kepada MPS

22. Pada hari mesyuarat MPS, pihak yang merujuk hendaklah membentangkan perkara yang dirujuk dalam mesyuarat MPS dengan kehadiran wajib sekurang-kurangnya seorang ahli JKS.

MAKLUMAN KEPUTUSAN MAJLIS PENASIHAT SHARIAH

23. Melainkan terdapat perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan, keputusan MPS akan dimaklumkan kepada pihak yang merujuk tiga (3) hari bekerja selepas pembentangan kepada MPS.
24. Keputusan MPS ke atas perkara yang dirujuk adalah muktamad.

BAHAGIAN D: LAMPIRAN

(A) ILUSTRASI RUJUKAN KEPADA MAJLIS PENASIHAT SHARIAH

Ilustrasi (i): *Isu Syariah dalam dalam penstrukturan produk atau instrumen perniagaan kewangan Islam*

MPS dirujuk berhubung cadangan oleh sebuah IKI untuk memperkenalkan produk deposit akaun semasa, simpanan dan pelaburan. Produk-produk deposit akaun ini menggunakan konsep *qard hasan* dan gabungan antara *qard hasan* dan *mudharabah*.

Ilustrasi (ii): *Isu Syariah dalam variasi yang signifikan kepada produk atau instrumen perniagaan kewangan Islam sedia ada*

MPS dirujuk berhubung cadangan oleh sebuah IKI untuk membuat olahan kepada produk pembiayaan sedia ada yang berasaskan konsep *musyarakah mutanaqisah*. IKI tersebut ingin mewujudkan kemudahan pengeluaran semula (*redraw facility*).

Ilustrasi (iii): *Isu Syariah dalam pelaksanaan dan pengoperasian*

Rujukan dikemukakan kepada MPS oleh sebuah pertubuhan kebajikan berkenaan amalan sebuah IKI yang meletakkan syarat membenarkan pihak bank membekukan akaun simpanan pelanggan yang mungkir dalam membuat bayaran terhadap pembiayaan mengikut jadual dan mengambil wang daripada akaun tersebut tanpa sebarang perintah daripada mahkamah.

(B) BORANG RUJUKAN KEPADA MAJLIS PENASIHAT SHARIAH

**Sekretariat
Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia
Jabatan Perbankan Islam dan Takaful
Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel : 60(3) 2698 8044 (samb 8124)
Faksimili : 60(3) 2694 3724
Emel : sac.secretariat@bnm.gov.my**

A. MAKLUMAT PERUJUK

Sila tandakan [√] pada petak yang berkenaan:

- Bank Islam Berlesen
- Institusi Perbankan yang menawarkan Skim Perbankan Islam
- Bank Islam Antarabangsa Berlesen
- Institusi Kewangan Pembangunan
- Pengendali Takaful Berlesen
- Pengendali Takaful Semula Profesional
- Lain-lain: _____

1. Nama:

2. Jawatan Sekarang:

3. Alamat Surat-Menyurat:

4. Emel:

5. No Telefon:

6. No Faks:


B. MAKLUMAT RINGKAS PERKARA YANG DIRUJUK

Sila lampirkan **salinan** dokumen-dokumen yang berkaitan dan pastikan maklumat berkaitan diterangkan dengan jelas.

6. Latar Belakang Ringkas Perkara yang Dirujuk

7. Isu-isu Syariah

(C) CARTA ALIRAN RUJUKAN KEPADA MAJLIS PENASIHAT SHARIAH



GLOSARI

Peruntukan dalam Akta Bank Negara Malaysia 2009	Perincian
Seksyen 51 (2)	Majlis Penasihat Syariah boleh menentukan tatacaranya sendiri.
Seksyen 52	<p>Majlis Penasihat Syariah hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) untuk menentukan hukum Syarak mengenai apa-apa perkara kewangan dan mengeluarkan keputusan apabila dirujuk kepada mengikut Bahagian ini; (b) untuk menasihati Bank mengenai apa-apa isu Syariah yang berhubungan dengan perniagaan kewangan Islam, aktiviti atau transaksi Bank; (c) untuk memberikan nasihat kepada mana-mana institusi kewangan Islam atau mana-mana orang lain sebagaimana yang diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis; dan (d) apa-apa fungsi lain sebagaimana yang diputuskan oleh Bank.
Seksyen 55 (2)	<p>Mana-mana institusi kewangan Islam berkenaan dengan perniagaan kewangan Islamnya, boleh—</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) membuat rujukan untuk mendapatkan suatu keputusan; atau (b) mendapatkan nasihat, <p>Majlis Penasihat Syariah mengenai operasi perniagaannya bagi menentukan bahawa ia tidak melibatkan apa-apa unsur yang tidak selaras dengan Syariah.</p>
Seksyen 57	Apa-apa keputusan yang dibuat oleh Majlis Penasihat Syariah menurut suatu rujukan yang dibuat di bawah Bahagian ini hendaklah mengikat institusi-institusi kewangan Islam di bawah seksyen 55 dan mahkamah atau penimbang tara yang membuat rujukan di bawah seksyen 56.